



KONSEP PERPADUAN DALAM MASYARAKAT MALAYSIA MADANI MENURUT HADIS TERPILIH DARIPADA HADIS 40 IMAM NAWAWI

(The Concept of Unity in the Malaysian Madani Society According to Selected Hadiths from al-Arba'in al-Nawawiyyah)

Nurul Hidayah Arom¹, Muhammad Nur Farhan Zamziba², Siti Hanisah Sabri³, Nor Fatin Syuhaidah Nayan⁴

^{1,2}International Institute of Islamic Thought, and Civilization (ISTAC-IIUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia,^{3,4} Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Abstract

The Unity Government formed by Prime Minister Dato' Seri Anwar Ibrahim after Malaysia's 15th General Election introduced the Malaysia MADANI concept as a framework for national development based on unity and universal values. This concept promotes a dynamic, inclusive, and compassionate society built on trust, respect, and moral values. This study aims to identify the characteristics of a MADANI society through selected hadiths from Imam al-Nawawi's Forty Hadiths, as part of an initiative to develop an educational module for hadith appreciation in Malaysia's education system. This research uses a qualitative library-based method, analyzing the Forty Hadiths through content analysis supported by classical and contemporary scholarly interpretations. The study focuses on unity-related values found in selected hadiths. The findings show that several hadiths reflect key principles in line with Malaysia MADANI's core components: Mulia (Morality), Agama (Religion), Daim (Sustainability), Adil (Justice), Nasihat (Advisory), and Ikhlas (Sincerity). These values help strengthen unity in a multi-ethnic and harmonious society. This study provides a foundation for developing hadith-based educational content and supports the goal of national unity through an inclusive Islamic approach relevant to modern society.

Keywords: Malaysia MADANI, al-Nawawi, Forty Hadiths, Unity, Hadith Appreciation, Islamic Education, Multicultural Society, National Unity.

Article Progress

Received: 19 February 2025

Revised: 4 March 2025

Accepted: 30 April 2025

*Corresponding Author:

Muhammad Nur Farhan Zamziba.

2International Institute of Islamic Thought, and Civilization (ISTAC-IIUM).

Email:

farhan.zamziba@live.iium.edu.my

PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, perpaduan berasal daripada perkataan padu¹. Makna padu difahami dengan pelbagai tafsiran. Antaranya ialah: 1) mampat dan pejal; 2) telah bergaul; 3) kukuh; dan 4) teguh². Perkataan padu juga boleh menjadi kata terbitan yang lain seperti satu padu, bersatu padu dan juga perpaduan. Perkataan perpaduan yang berasal daripada kata akar padu tersebut membawa erti bergantung, bersatu, bercampur untuk menjadi satu, kukuh dan utuh, bermuafakat dan berunding dengan bersungguh-sungguh.³ Perpaduan secara menyeluruh merangkumi segenap tafsiran sebagaimana yang dijelaskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu perpaduan merupakan tunjang kepada masyarakat Madani, yang maju bukan hanya dari segi kebendaan tetapi juga

¹ Kamus Dewan Edisi Keempat (n.d.). Retrieved from: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=padu>

² Ibid.

³ Madiawati Mamat@Mustafa et al. (2020). Manifestasi perpaduan dalam era Malaysia Baharu melalui Kumpulan Pantun Warisan. *Jurnal Melayu*, 19(1), 75-87.

fikrah dan kerohanian.⁴ Oleh yang demikian, konsep berkaitan perpaduan secara menyeluruh perlu diambil kira dalam mengekalkan kemakmuran negara yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Masyarakat Malaysia merupakan masyarakat yang unik dan berbilang kaum. Masyarakat di negara ini terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina, dan India. Selain itu, terdapat juga kumpulan etnik lain seperti Orang Asli yang terdiri daripada Negrito, Senoi dan Melayu Proto, Iban, dan Kadazan-Dusun. Tambahan lagi, komposisi masyarakat di negeri Sabah terdiri daripada 32 kumpulan etnik dan di Sarawak pula terdapat 27 kumpulan etnik yang berbeza.⁵ Walaupun setiap kaum dan bangsa mempunyai budaya, bahasa, dan agama mereka yang tersendiri, mereka hidup bersama dalam perpaduan dan suasana harmoni.⁶ Suasana ini dapat dilihat melalui keunikan masyarakat Malaysia yang berbilang ras, kaum, rupa dan bangsa.

Madani berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu "madinah" yang bermaksud kota atau bandar. Jika diteliti secara lebih mendalam, perkataan tersebut merujuk kepada satu bentuk masyarakat yang mempunyai peradaban tinggi.⁷ Konsep ini sering dikaitkan dengan idea masyarakat madani ataupun masyarakat peradaban, di mana warganya hidup dalam suasana yang bebas dan harmoni serta menghormati hak asasi manusia dan prinsip-prinsip keadilan sosial.⁸ Oleh yang demikian, masyarakat Malaysia Madani dalam konteks kajian ini adalah sebuah masyarakat yang bertamadun dari segi pemikiran yang menjaga dan memelihara kesejahteraan, membina inovasi, menghormati antara satu sama lain, memberi keyakinan dan mempunyai nilai ihsan kepada diri, keluarga dan negara Malaysia khususnya.

Hadis 40 Imam Nawawi merujuk kepada satu kompilasi 42 buah hadis yang dikumpulkan oleh seorang ulama besar Mazhab Syafi'i iaitu Imam Nawawi.⁹ Hadis-hadis ini dipilih kerana mengandungi prinsip-prinsip asas dalam agama Islam yang merangkumi akidah, ibadah, muamalat, dan akhlak. Hadis 40 Imam Nawawi atau Arba'in Nawawiyyah menjadi rujukan penting bagi umat Islam untuk memahami ajaran Islam dengan lebih mendalam dan menyeluruh.¹⁰ Setiap hadis dalam Hadis 40 Imam Nawawi mengandungi panduan dan pengajaran yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan, termasuklah aspek keimanan, hubungan sosial, akhlak serta tanggungjawab individu terhadap masyarakat.¹¹

Kajian ini akan memberikan sumbangan baharu kepada wacana perpaduan dalam masyarakat Malaysia Madani melalui pendekatan berdasarkan teks hadis, khususnya Hadis 40 Imam Nawawi, yang sebelum ini kurang diberi penekanan dalam kerangka kajian sosial kontemporari ataupun penekanan kepada konsep MADANI bersesuaian dengan era ini.

⁴ JAKIM (2023). *Perpaduan Teras Malaysia Madani*. Retrieved from:
<https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2206489>

⁵ Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). *Buku Rasmi Tahunan Jabatan Penerangan Malaysia*. Selangor: Absolute Master Printers Sdn. Bhd. Retrieved from:
https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/malaysia_2017/files/downloads/malaysia_2017.pdf

⁶ Khairul Azhar Meerangani et al. (2020). Pendekatan wasatiyyah dalam interaksi inter-agama di Malaysia. *MANU*, 31(2), 19-46.

⁷ Bakar, O. (1997). Agama dan budaya teras masyarakat madani. *Jurnal Usuluddin*, 5, 1-10.

⁸ Azizan, N. I., & Ismail, N. (2023). Membangun akhlak masyarakat madani melalui tafsir al-Quran: Analisis terhadap tafsir surah al-Humazah oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Proceedings of the 9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023)*, 79-87.

⁹ Rahmah, W. S. (2020). Hadis dalam budaya Indonesia abad XVII-XVIII. *Ar-Rihlah: Jurnal Inovasi Pengembangan Pendidikan Islam*, 5(2), 31-48.

¹⁰ Adri, S. (2017). Manhaj Imam an-Nawawi dalam kitab al-Arba'in an-Nawawiyyah: Kajian filosofi di balik penulisan kitab hadis al-Arba'in an-Nawawiyyah. *At-Tahdis: Journal of Hadith Studies*, 1(2), 29-45.

¹¹ Haslinda Abdullah (2024). Modul Hadith 40: Pembentukan Perpaduan dan Karakter Generasi Muda Malaysia. Institut Pengajian Sosial (IPSAS). Universiti Putra Malaysia.

Berbanding kajian-kajian terdahulu yang lebih banyak menggunakan pendekatan sosio-politik, sejarah atau dasar kerajaan dalam membincangkan perpaduan nasional contohnya, Azman & Rahman¹² menerangkan tentang Penerapan Konsep Malaysia MADANI dalam Dasar Awam: Membudayakan Harmoni dalam Kepelbagaian tetapi kajian mereka tidak membahaskan dari Hadis 40 Imam Nawawi. Selain itu, konsep masyarakat Malaysia Madani beserta enam tonggak dasar membangunkan Malaysia Madani telah dibincangkan secara terperinci oleh Abdullah S. et al.¹³ dalam satu kajian yang bertajuk Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. Sebaliknya, kajian mereka merujuk kepada perbincangan para sarjana Islam berkaitan konsep Madani dan tidak memfokuskan kepada perbincangan dari sudut Hadis 40 Imam Nawawi. Di samping itu, Nazneen Ismail et al.¹⁴ dalam kajian mereka yang berjudul Membangun Masyarakat Madani Melalui Pemeriksaan Keharmonian Beragama juga tidak membicarakan secara teliti melalui konsep Hadis 40 Imam Nawawi.

Justeru, kesemua hadis yang terkandung dalam koleksi ini menjadi asas yang menyeluruh dalam memahami kehidupan berlandaskan Islam. Hadis 40 Imam Nawawi menyediakan panduan penting dalam pembinaan perpaduan dalam masyarakat Malaysia Madani.¹⁵ Melalui penghayatan prinsip-prinsip Islam yang terkandung dalam hadis-hadis ini, masyarakat dapat hidup dalam keadaan yang aman, saling menghormati dan bersatu dalam kepelbagaian. Perpaduan ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab agama tetapi juga menjadi asas kepada pembangunan negara yang lebih harmoni dan maju.¹⁶

KAJIAN LITERATUR

Kajian ini akan meneliti konsep perpaduan dalam Islam berdasarkan perspektif Hadis 40 Imam Nawawi, khususnya yang menyentuh aspek ukhuwah (persaudaraan) dan interaksi sosial. Perpaduan merupakan elemen penting dalam kehidupan bermasyarakat dan ia juga merupakan salah satu prinsip yang digariskan dalam Islam.¹⁷ Dalam konteks ini, kajian akan bertumpu kepada hadis-hadis yang menjelaskan keutamaan menjaga hubungan baik sesama manusia serta bagaimana perpaduan boleh memupuk keamanan dan keharmonian.

Tema ini akan memberi tumpuan kepada masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, budaya dan agama untuk menjadikan perpaduan sebagai aspek penting dalam menjaga keharmonian negara. Malaysia terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik seperti Melayu, Cina, dan India.¹⁸ Kumpulan etnik tersebut juga menganut agama yang berbeza seperti Islam, Kristian, Hindu, dan Buddha.¹⁹ Penelitian terhadap interaksi antara kaum, toleransi antara agama serta cara masyarakat Malaysia mengamalkan nilai-nilai perpaduan merupakan aspek penting yang akan dikaji dalam penulisan ini.

¹² Azman, M. A., & Rahman, N. A. (2023). Penerapan konsep Malaysia MADANI dalam dasar awam: Membudayakan harmoni dalam kepelbagaian. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(4), 29-43. <https://doi.org/10.55057/ijares.2023.5.4.3>

¹³ Abdullah, S., Hussin, N. S., Ahmad, T. S. T., Rose, N. N., Basir, S. N. A., & Azmin, A. A. (2023). Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*, 239-249.

¹⁴ Ismail, N., Senin, N., & Amat Misra, M. K. (2024). Membangun Masyarakat Madani Melalui Pemeriksaan Keharmonian Beragama. *Isu-Isu Pengajaran Peradaban Islam Kontemporari*. Selangor: Penerbit UIS, Universiti Islam Selangor. Retrieved from: <https://www.researchgate.net/publication/383358095>

¹⁵ Kementerian Pendidikan Malaysia (2024). *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi*. Edisi Kedua. Selangor: Bahagian Pendidikan Islam.

¹⁶ Hashim Musa & Rozita Che Rodi (2013). Dasar Pembangunan Negara Malaysia secara Ekuitabel ke Arah Negara Maju melalui Wahana Bahasa Kebangsaan. *Prosiding PERKEM VIII*, Jil. 1, 279-296.

¹⁷ Saat, I. (2021). History of the elements of people's unity. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 13(1), 48-58.

¹⁸ Hazlina (2024). Toleransi dalam Perbedaan: Asas Keharmonian dan Kesejahteraan Malaysia. Suara Nadi Penang Institute.

¹⁹ Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Syariyah Muhammad Shah (2020). Persepsi penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap isu-isu sensitif agama: Kajian di Lembah Klang. *International Journal of Islamic Thought*, 18, 95-109.

Malaysia Madani merupakan satu konsep yang diperkenalkan untuk menggambarkan masyarakat yang berpaksikan nilai-nilai kemanusiaan, keadilan sosial, dan kesejahteraan bersama.²⁰ Dalam kajian ini, tema Malaysia Madani akan diteliti daripada sudut pandang Islam, khususnya bagaimana nilai-nilai yang dianjurkan dalam hadis-hadis boleh menyokong pembentukan masyarakat yang sejahtera dan bersatu padu.²¹

Hadis, sebagai sumber kedua dalam Islam selepas al-Quran al-Karim, memainkan peranan penting dalam membentuk panduan kehidupan umat Islam, termasuk dalam hal perpaduan dan hubungan sosial.²² Pembahagian tema ini akan membantu penelitian secara spesifik peranan hadis dalam menyokong perpaduan antara individu dan masyarakat, terutama dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia.

Hadis 40 Imam Nawawi merupakan salah satu koleksi hadis yang sangat penting dalam tradisi Islam kerana merangkumi ajaran-ajaran asas agama, termasuklah aspek akidah, ibadah, dan muamalat (interaksi sosial).²³ Dalam kajian ini, fokus diberikan kepada bagaimana Hadis 40 Imam Nawawi dapat memberikan panduan untuk memupuk perpaduan dan kesejahteraan sosial, terutamanya dalam konteks masyarakat moden seperti di Malaysia. Beberapa hadis dalam koleksi ini secara langsung membincangkan isu-isu seperti persaudaraan, kasih sayang sesama manusia, dan pentingnya menjaga hubungan sosial yang baik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menganalisis lapan hadis berkaitan perpaduan menggunakan pendekatan analisis teks bagi menilai peranannya dalam membentuk masyarakat yang harmoni. Konsep MADANI (Mulia, Agama, Daim, Adil, Nasihat, Ikhlas) dijadikan sebagai kerangka metodologi kajian kerana setiap elemen tersebut selaras dengan nilai-nilai yang terkandung dalam Hadis 40 Imam Nawawi dan bertepatan dengan konteks perpaduan masyarakat Malaysia Madani. Berikut adalah metodologi yang dibangunkan berdasarkan konsep MADANI:

- i. Kajian teks dan analisis terhadap hadis-hadis dalam Hadis 40 Imam Nawawi yang menekankan aspek kemuliaan akhlak, seperti hadis ke-13 yang menyebut tentang mencintai saudara seperti mencintai diri sendiri.
- ii. Selain itu, analisis kandungan dengan meneliti hadis-hadis yang menyentuh tentang pentingnya agama sebagai panduan dalam kehidupan bermasyarakat, seperti hadis yang membincangkan keimanan dan amalan baik yang membawa kepada kesatuan.
- iii. Kajian ini mengaplikasikan metodologi analisis kandungan terhadap Hadis 40 Imam al-Nawawi bagi mengenal pasti prinsip-prinsip yang selari dengan kerangka Malaysia MADANI. Pemilihan hadis-hadis yang dimuatkan dalam kajian tidak hanya berdasarkan lafaz literal dalam matan hadis, sebaliknya lebih menumpukan kepada mafhum (makna dan konteks) melalui syarah dan tafsiran ulama klasik dan kontemporer seperti. Justeru, dapat membuktikan bahawa pengambilan nilai MADANI adalah hasil interpretasi yang holistik terhadap kandungan hadis secara semantik dan kontekstual.

²⁰ Azman, M. & Rahman, N. (2023). Penerapan konsep Malaysia MADANI dalam dasar awam: Membudayakan harmoni dalam kepelbagaian. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(4), 29-43.

²¹ Ateerah Abdul Razak et al. (2021). *Penghayatan Etika dan Peradaban*. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.

²² Maulana Muhammad Ilyas Temrin & Mohd Akil Muhammed Ali (2017). Pembelajaran ilmu hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia. *Journal al-Turath: Journal of al-Quran and al-Sunnah*, 2(1), 10-19.

²³ Bushrah Basiron; Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain (2021). Pembinaan individu berdasarkan falsafah rukun Islam. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(2), 37-46. Retrieved from: <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/13448>

- iv. Bahkan, kajian polisi dalam kajian ini melalui penelitian kepada dasar-dasar kerajaan Malaysia yang mempromosikan keadilan sosial dan perpaduan antara kaum serta bagaimana prinsip ini selari dengan ajaran Islam.
- v. Seterusnya, Konsep MADANI yang terdiri daripada Mulia, Agama, Daim, Adil, Nasihat dan Ikhlas menjadi panduan asas dalam pembentukan masyarakat harmoni dan bersatu padu. Pemilihan elemen ini bukan bersifat arbitrari, tetapi berpaksikan kepada intipati ajaran Islam yang dinyatakan secara jelas dalam hadis-hadis sahih yang dipilih.

Metodologi kajian ini dibentuk secara sistematik dan terukur bagi menilai perpaduan masyarakat Malaysia Madani melalui perspektif Hadis 40 Imam Nawawi. Pendekatan ini menyediakan kerangka holistik berdasarkan konsep MADANI yang merangkumi enam elemen utama – Mulia, Agama, Daim, Adil, Nasihat, dan Ikhlas – yang mencerminkan nilai-nilai penting dalam pembentukan perpaduan sosial. Melalui penerapan nilai-nilai tersebut, kajian ini dapat memberi panduan tentang peranan ajaran Islam dalam membina masyarakat yang harmoni, adil dan bersatu padu.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Elemen Pertama: M = MULIA

I. Contoh pertama: Hadis kelima belas: Adab-adab yang baik

قالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُقْلِنْ حَيْرًا أَوْ لِيَصُمْتُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِنُ بِجَارَةً، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَيُكْرِمْ ضَيْفَهُ» (رواه البخاري ومسلم)

Maksud: *Rasulullah ﷺ bersabda: "Barangsiapa yang beriman kepada Allah subhanahu wa ta'ala dan Hari Akhirat maka hendaknya dia berbicara yang baik atau (kalau tidak) dia diam. Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat maka janganlah ia menyakiti tetangganya. Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat maka hendaknya dia memuliakan tetamunya."*

Hadis ini menunjukkan bahawa kesempurnaan iman seseorang Muslim itu boleh dilihat melalui akhlak dan adab-adabnya sesama manusia.²⁴ Rasulullah ﷺ memfokuskan kepada tiga adab-adab mulia ini, iaitu; i) berbicara dengan perkataan yang baik ataupun mendiamkan diri, ii) tidak menyakiti jiran tetangga, iii) dan memuliakan tetamunya.

Adapun adab yang pertama itu merujuk kepada adab di dalam percakapan, manakala adab yang kedua dan ketiga itu merujuk kepada adab di dalam perbuatan atau tingkah laku seseorang individu.

Suruhan berbicara dengan perkataan yang baik itu adalah dengan menuturkan perkara-perkara yang boleh membawa kepada pahala dan kebaikan, dan jika sebaliknya maka diam itu lebih baik daripada berbicara tentang perkara yang mengandungi dosa di dalamnya.²⁵ Larangan menyakiti jiran tetangga adalah satu proses seseorang itu menyucikan dirinya dari sifat yang tercela dan saranan untuk memuliakan tetamu sebagai satu usaha untuk menghiasi diri dengan kebaikan.²⁶ Larangan menyakiti jiran tetangga juga boleh difahami sebagai satu *kinayah* (perumpamaan) bagi berbuat ihsan sesama manusia. Jika kita tidak dapat berbuat baik dengan manusia, sekurang-kurangnya kita berusaha untuk tidak menyakitinya.²⁷

²⁴ al-'Ainī, Badr al-Dīn (n.d). 'Umdatū al-Qārī Sharhi Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Dār Ihya': al-Turāth al-'Arabī.

²⁵ al-Muzhīrī, al-Husayn bin Maḥmūd (2012). al-Badrū al-Tamām Sharhu Bulūghu al-Marām. Dār Hijr.

²⁶ al-Kirmānī, Shamsu al-Dīn (1937). al-Kawākib al-Durari fī Sharhi Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī.

²⁷ al-Dihlawī, 'Abdu al-Haq (2014). *Lama 'āt al-Tanqīh fī Sharhi Mishkāt al-Masābīh*. Dār al-Nawādīr.

Al-Dihlawi²⁸ menyatakan antara adab memuliakan tetamu ialah berwajah ceria dan sentiasa tersenyum, menerima dan menyambut tetamu dengan gembira serta melayani tetamu itu dengan baik. Seterusnya, tuan rumah juga perlu bersegera menyediakan hidangan buat tetamu dan tidak membebani para tetamu dengan sesuatu yang di luar kemampuan mereka.

Berdasarkan hadis di atas, seseorang individu itu mestilah memiliki sifat-sifat mulia dan adab-adab yang baik bagi memupuk semangat perpaduan dan mengelakkan sebarang persengketaan dalam kalangan masyarakat Madani. Oleh itu, setiap individu dalam masyarakat Malaysia Madani mestilah menjaga tutur kata dengan menuturkan perkataan yang baik ataupun memilih untuk berdiam diri daripada menyebut perkara yang negatif.²⁹ Di samping itu, setiap ahli dalam masyarakat Madani juga perlulah sentiasa berbuat ihsan dengan jiran tetangga serta mengelakkan daripada menyakiti mereka sama ada dari segi fizikal dan mental, seterusnya memuliakan tetamu dengan memberikan layanan yang terbaik buat mereka.

II. Contoh kedua: Hadis ketiga belas: Mencintai kebaikan bagi orang lain

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ» (رواه البخاري ومسلم)

Maksud: *Daripada Nabi ﷺ bersabda: "Tidak sempurna iman seseorang antara kalian, sehingga dia mengasihi saudaranya seperti mana dia mengasihi dirinya sendiri."*

Nabi Muhammad ﷺ menyatakan bahawa keimanan seseorang itu belum dikira sempurna selagi mana dia tidak mencintai saudaranya seperti mana dia mencintai dirinya sendiri. Hadis ini bertepatan dengan firman Allah taala dalam surah al-Hujurat ayat 10 yang bermaksud:

“Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara”

(al-Hujurat: 10).

Menurut al-Sarsari,³⁰ individu yang mencintai saudaranya pasti akan berbuat baik kepada saudaranya dan dia tidak akan menyakiti mereka, seperti mana dia membenci sesuatu keburukan berlaku ke atas dirinya. Maka akan mengalirlah segala manfaat dan kebaikan antara satu sama lain tanpa dibezakan sama ada saudara tersebut muslim ataupun kafir. Kasih sayang ini tidak dapat dicapai jika seseorang itu bersikap *ananiyah* (keakuan), hasad dengki dan saling membenci.³¹

Hadis ini menyeru umat Islam supaya menjaga hubungan baik antara satu sama lain, tanpa mengira bangsa atau agama, untuk mencapai kesatuan dan perpaduan. Dalam konteks Malaysia Madani, kasih sayang sesama manusia menjadi asas perpaduan dan hormat-menghormati antara satu sama lain.³² Selain itu, rakyat Malaysia Madani juga haruslah menghindari sebarang kemudarat dalam kehidupan bermasyarakat.

²⁸ Ibid.

²⁹ Ismail, N., Senin, N., & Amat Misra, M. K. (2024). Membangun Masyarakat Madani Melalui Pemerksaan Keharmonian Beragama. Dlm Abdullah. N & Ismail, N. (2024). *Isu-Isu Pengajian Peradaban Islam Kontemporari*. Selangor: Penerbit UIS, Universiti Islam Selangor.

³⁰ al-Sarsarī, Sulayman bin ‘Abdu al-Qawī (1998). *al-Ta‘yīn fī Sharhi al-Arba‘ īn Mu’assasah al-Rayyān*.

³¹ Hamzah Muhammad Qāsim (1990). *Mañār al-Qāri Sharhu Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Maktabah Dār al-Bayān.

³² Sarom, M. B., Sr., & Sudi, S. (2022). Langkah perpaduan Sunnah Nabawiyah sebagai nilai tambah kepada agenda perpaduan negara. *Journal Hadis*, 12(23), 51–62.

Elemen Kedua: A = AGAMA**Hadis kedua: Islam, Iman, dan Ihsan**

عَنْ عُمَرٍ رضيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضًا قَالَ: بَيْنَمَا نَحْنُ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ، إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ، شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعَرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثْرُ السَّفَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِنَ الْأَحَدْ، حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ، وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخِذَيْهِ، وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ، وَتُقْيِيمُ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِي الرِّزْكَةَ، وَتَصُومُ رَمَضَانَ، وَتَحْجُجُ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا»، قَالَ: صَدَقْتَ، قَالَ: فَعَجِبْنَا لَهُ يَسْأَلُهُ، وَيُصَدِّقُهُ، قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِيمَانِ، قَالَ: «أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ، وَمَلَائِكَتِهِ، وَكُتُبِهِ، وَرُسُلِهِ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ، وَتُؤْمِنَ بِالْقَدْرِ حَيْرَهُ وَشَرِهُ»، قَالَ: صَدَقْتَ، قَالَ: فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ، قَالَ: «أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَائِنَكَ تَرَاهُ، فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ»... (رواه مسلم)

Maksud: Dari Umar radhiyallahu ‘anhu pula dia berkata; Pada suatu hari ketika kami sedang duduk-duduk bersama Rasulullah ﷺ, tiba-tiba datang seorang laki-laki berpakaian sangat putih, dan rambutnya sangat hitam, tidak terlihat padanya tanda-tanda bekas perjalanan, dan tidak seorang pun dari kami yang mengenalinya, kemudian ia duduk di hadapan Nabi ﷺ dan mendekatkan lututnya lalu meletakkan kedua tangannya di atas pahanya, seraya berkata: "Wahai Muhammad jelaskan kepadaku tentang Islam?" Nabi ﷺ menjawab: "Islam itu adalah engkau bersaksi bahwa tidak ada sembahyang yang berhak dibadahi dengan benar kecuali Allah dan Muhammad adalah utusan-Nya, engkau mendirikan solat, menunaikan zakat, puasa Ramadhan dan haji ke Baitullah al-Haram jika engkau mampu mengadakan perjalanan ke sana." Laki-laki tersebut berkata: "Engkau benar." Maka kami pun kehairanan padanya, dia yang bertanya dan dia sendiri yang membenarkan jawapannya. Dia berkata lagi: "Jelaskan kepadaku tentang iman?" Nabi shallallahu ‘alaihi wa sallam menjawab: " (Iman itu adalah) Engkau beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari akhir serta engkau beriman kepada takdir baik dan buruk." Ia berkata: "Engkau benar." Kemudian lelaki tersebut bertanya lagi: "Jelaskan kepadaku tentang ihsan?" Beliau ﷺ bersabda: "(Ihsan adalah) Engkau beribadah kepada Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. Kalaupun engkau tidak boleh melihat-Nya, sungguh Dia melihatmu..."

Hadis ini menjelaskan bahawa agama bagi seseorang hamba Allah itu tertegak atas tiga asas yang utama iaitu Islam, iman dan ihsan. Perkataan Islam itu merujuk kepada lafaz dua kalimah syahadah yang merangkumi ketauhidan dan kerasulan Nabi Muhammad ﷺ.³³ Selain itu, Islam juga merujuk kepada suatu amalan yang zahir iaitu pengakuan dengan lidah dan beramal dengan tubuh badan. Adapun iman pula ialah pengakuan yang membenarkan sesuatu kepercayaan di dalam hati. Oleh itu, keislaman seseorang itu mestilah disertai dengan pengakuan di dalam hati dan dituturkan dengan lisan, barulah keimanan itu akan menyelamatkan dirinya daripada terjerumus ke dalam api neraka.

Seterusnya, perkataan ihsan dalam perihal ibadah pula menunjukkan rasa khusyuk, merendah diri serta ikhlas dan merasai pengawasan Allah SWT dalam keadaan yang zahir dan tersembunyi.³⁴

Ringkasnya, hadis ini merangkumi keseluruhan ibadat secara lahiriah dan batiniah, bermula dari pengakuan iman, seterusnya dibuktikan dengan amalan anggota badan dan disertai dengan keikhlasan hati, serta memelihara diri daripada melakukan sesuatu yang akan merosakkan amalannya.³⁵

³³ al-Sahāranfūrī, Khalil Ahmad (2006). *Badhlu al-Majhūd fī Hilli Sunani Abī Dāwd*. Markaz al-Sheikh Abī al-Hasan li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.

³⁴ al-Sindī, Abū al-Hasan (2010). *Fathu al-Wadūd fī Sharhi Sunan Abī Dāwd*. Maktabah Layyinah.

³⁵ al-Qādī‘iyād, Abu al-Fadl (1998). *Ikmāl al-Mu‘alim bi Fawāid Muslim*. Dār al-Wafa’.

Agama Islam merupakan satu agama yang *syumul* (menyeluruh) dan meliputi seluruh aspek kehidupan manusia.³⁶ Pembuktian terhadap kepatuhan kepada agama Islam bermula daripada keimanan di dalam hati, kemudian dituturkan melalui lisan, dibuktikan dengan amalan ibadat sehari-harian, serta diiringi dengan rasa khusyuk dan merendah diri kepada Allah SWT. Apabila seseorang itu mengaplikasikan cara hidup Islam sebaiknya dengan memelihara hubungan terhadap Penciptanya, maka hubungan antara manusia juga akan menjadi lebih mudah untuk dijaga.

Berdasarkan konteks masyarakat Malaysia Madani yang terdiri daripada pelbagai kaum dan berbeza agama serta warna kulit, perpaduan dianggap sebagai satu aspek yang amat penting bagi mengekalkan keharmonian dalam kehidupan seharian.³⁷ Maka, sebagai seorang Muslim yang telah memahami tuntutan dalam hadis di atas, segala tuntutan agama Islam perlulah diperlakukan, termasuklah mewujudkan semangat bersatu padu dalam kalangan rakyat Malaysia Madani.

Elemen Ketiga: D = DAIM (Senantiasa)

I. Contoh pertama: Hadis kedua puluh satu: Istiqamah

عَنْ أَبِي عَمْرٍو — وَقَالَ أَبِي عُمَرَةَ — سُفْيَانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: فُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ فُلْ لِيْ فِي الْإِسْلَامِ
قُولًاً لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا غَيْرِكَ. قَالَ: فُلْ أَمَنْتُ بِاللَّهِ ثُمَّ اسْتَقْرَمْ. (رواه مسلم)

Maksud: *Dari Abu 'Amr –ada yang mengatakan Abu 'Amrah- Sufyan bin Abdillah radhiyallahu 'anhuma dia berkata: Aku berkata: "Ya Rasulullah, beritahukan kepadaku satu perkataan dalam Islam, yang aku tidak akan bertanya lagi kepada kepada seorangpun selain engkau." Beliau shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: Katakanlah: "Aku beriman kepada Allah, kemudian istiqamahlah."*

Hadis ini adalah berdasarkan pertanyaan daripada seorang sahabat kepada Rasulullah ﷺ tentang sebuah nasihat, lalu Baginda pun menasihati beliau secara ringkas supaya beriman kepada Allah SWT dan beristiqamah. Kata-kata yang dituturkan oleh Baginda SWT, walaupun secara pendek dan ringkas tetapi membawa makna yang luas dan pelbagai (*jawami' al-kalim*).³⁸

Perkataan istiqamah merupakan satu lafaz umum yang meliputi semua suruhan dan larangan Allah SWT secara konsisten dan berterusan tanpa sebarang sikap tidak acuh dan tidak cenderung kepada kesesatan.³⁹ Justeru, apabila seseorang Muslim itu meninggalkan sesuatu suruhan, maka dia dikira menyimpang dari jalan yang lurus. Tambahan pula, jika dia melakukan perkara yang dilarang, maka dia juga dianggap menyimpang dari jalan yang benar sehingga dia kembali bertaubat.⁴⁰

Al-Sarsari⁴¹ berpendapat bahawa hadis ini merujuk kepada prinsip-prinsip agama Islam itu sendiri, iaitu ketauhidan dan ketaatan. Ketauhidan terhasil daripada kata-kata Rasulullah SAW, (أَمَنْتُ بِاللَّهِ) “aku beriman kepada Allah”, dan ketaatan terhasil daripada (ثُمَّ اسْتَقْرَمْ) “kemudian istiqamahlah”. Al-Sarsari mengulas lanjut makna istiqamah adalah mematuhi setiap perintah Allah SWT dan menjauhi setiap larangan-Nya, termasuklah segala amalan hati dan tubuh badan yang merangkumi aspek iman, Islam, dan ihsan.

³⁶ Suhaida Abu Bakar et al. (2021). *Asas Kefahaman Islam dalam Realiti Semasa*. Kedah: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi Mara (UiTM).

³⁷ Saat, I. (2021). Sejarah elemen perpaduan rakyat. *Jurnal Perspektif*, 13(1), 48–58. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.5.2021>

³⁸ al-Etiobi, Muhammad bin 'Ali (1436). *al-Bahru al-Muhīt al-Thujāj fī Sharhi Ṣaḥīḥ al-Imām Muṣṭafā b. al-Hajjāj*. Dār Ibnu al-Jauzī.

³⁹ al-Dihlawi, 'Abdu al-Haq (2014). *Lama 'āt al-Tanqīh fī Sharhi Mishkāt al-Masābīh*. Dār al-Nawadīr.

⁴⁰ al-Muzhirī, al-Husayn bin Mahmūd (2012). *al-Badrū al-Tamām Sharhu Bulūghu al-Marām*. Dār Hijr.

⁴¹ al-Sarsarī, Sulayman bin 'Abdu al-Qawī (1998). *al-Ta'yīn fī Sharhi al-Arba 'īn*. Mu'assasah al-Rayyān.

Bagi merealisasikan tahap perpaduan yang utuh dalam kalangan masyarakat Malaysia Madani, setiap individu perlulah daim dan istiqamah dalam melakukan sebarang kebaikan.⁴² Hal ini kerana, kebaikan yang dihulurkan itu mampu mengeratkan lagi hubungan sesama rakyat Malaysia.

II. Contoh kedua: Hadis ketiga puluh enam: Membantu sesama Muslim

عَنْ أُبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُبْرَىٰ مِنْ كُبْرَىٰ الْدُّنْيَا، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُبْرَىٰ مِنْ كُبْرَىٰ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسْرَ عَلَىٰ مُعْسِرٍ، يَسِّرَ اللَّهُ عَنْهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَرَّ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنَىٰ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنَىٰ أَخِيهِ...» (رواه مسلم)

Maksud: *Dari Abu Hurairah radhiyallahu ‘anhu dia berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: "Barangsiapa yang menghilangkan satu kesulitan seorang mukmin yang lain dari kesulitannya di dunia, niscaya Allah akan menghilangkan darinya satu kesulitan pada hari kiamat. Barangsiapa yang meringankan orang yang kesusahan (dalam hutangnya), niscaya Allah akan meringankan baginya (urusannya) di dunia dan akhirat. Barangsiapa yang menutupi aib seorang muslim, niscaya Allah akan menutupi aibnya di dunia dan akhirat. Dan Allah akan senantiasa menolong hamba-Nya, selama hamba tersebut mau menolong saudaranya...."*

Hadis di atas mengajak manusia agar senantiasa membantu orang lain, berbuat sesuatu kebaikan bersama-sama, di samping berusaha menuntut ilmu pada setiap masa. Al-‘Uthaimin⁴³ mengatakan hadis ini memberi maksud bahawa Allah SWT akan membantu hambanya selagi mana hamba tersebut membantu saudaranya. Bantuan di sini tidak termasuk bantuan yang memberi mudarat kepada agama dan kehidupan seseorang. Namun, bantuan yang memberi kebaikan kepada diri seseorang itulah yang akan dibantu oleh Allah SWT dalam setiap urusannya. Selain itu, hadis ini juga menggalakkan individu agar memberi manfaat kepada orang lain dari segi ilmu, kewangan, bantuan, kebaikan, nasihat dan sebagainya.⁴⁴

Menurut al-Sarsari,⁴⁵ hadis ini menyatakan keutamaan menutup aurat bagi individu Muslim. Sesiapa yang melaksanakannya akan memperoleh pahala. Perbuatan ini merupakan sebahagian daripada sifat yang mulia, dan sesungguhnya Allah amat menyukai hamba-Nya yang berakhhlak mulia.

Dalam konteks perpaduan masyarakat Malaysia Madani, hadis ini mengajarkan bahawa membantu sesama manusia tanpa mengira latar belakang mereka adalah suatu tuntutan dalam Islam. Justeru, sebagai seorang rakyat Malaysia, saling membantu dan tolong-menolong antara satu sama lain akan mengukuhkan lagi perpaduan nasional.

Elemen Keempat: A = ADIL

Hadis kedua puluh empat: Haram melakukan kezaliman

⁴² Khairul Azhar Meerangan et al.(2020). Pendekatan wasatiyyah dalam interaksi inter-agama di Malaysia. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa* (MANU), 31(2), 19-46.

⁴³ al-‘Uthaimin, Muhammad bin Šâleh (2006). *Fathu zī al-Jalāli wa al-Ikrām bi Sharhi Bulūghu al-Marām*. al-Maktabah al-Islāmiyyah li al-Nashri wa al-Tauzi’.

⁴⁴ al-Hamad, ‘Abdu al-Qâdir Shibah (1982). *Fiqhu al-Islâm Sharhi Bulûghu al-Marâm min Jam‘i Adillati al-Ahkâm*. Matabi al-Rashid.

⁴⁵ al-Sarsarī, Sulayman bin ‘Abdu al-Qawī (1998). *al-Ta‘yîn fî Sharhi al-Arba‘în*. Mu’assasah al-Rayyān.

عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، فِيمَا رَوَىٰ عَنِ اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَنَّهُ قَالَ: «يَا عِبَادِي إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَىٰ نَفْسِي، وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّماً، فَلَا تَظَالَّمُوا، يَا عِبَادِي كُلُّكُمْ ضَالٌّ إِلَّا مَنْ هَدَيْتُهُ، فَاسْتَهْدُونِي أَهْدِكُمْ...» (رواه مسلم)

Dar Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam, dalam hadith qudsi yang beliau ﷺ riwayatkan dari Allah tabaraka wa taala, bahwasanya Dia berfirman: "Wahai hamba-hamba-Ku, sesungguhnya Aku telah mengharamkan kezaliman atas diri-Ku dan Akupun jadikan kezaliman itu di antara kalian sebagai sesuatu yang haram. Maka janganlah kalian saling menzalimi. Wahai hamba-hamba-Ku, kalian semua adalah sesat kecuali yang Aku beri petunjuk, maka mintalah petunjuk kepada-Ku niscaya Aku akan menunjukimu. ..."

Hadis Qudsi ini merupakan riwayat Rasulullah ﷺ daripada Allah SWT⁴⁶. Hadis Qudsi memiliki martabat yang berbeza seperti sahih, lemah, dan palsu, manakala al-Quran merupakan kalam Ilahi yang mutawatir dari Allah SWT.⁴⁷

Menurut al-'Uthaimin,⁴⁸ kezaliman itu merupakan hak Allah SWT, akan tetapi Dia yang Maha Adil itu telah mengharamkan sebarang kezaliman ke atas zat-Nya dan mengharamkan juga kezaliman ke atas diri hamba-hamba-Nya. Sesungguhnya, Maha Suci Allah SWT itu daripada segala sifat yang mustahil bagi-Nya seperti zalim ke atas makhluk ciptaan-Nya.⁴⁹

Oleh itu, manusia telah diharamkan untuk melakukan sebarang kezaliman antara satu sama lain.⁵⁰ Al-Etiobi⁵¹ membahagikan kezaliman tersebut kepada dua jenis. Kezaliman yang pertama ialah kezaliman ke atas diri sendiri iaitu mensyirikkan Allah SWT dengan sesuatu. Kezaliman yang kedua pula ialah kezaliman sesama manusia yang melibatkan harta benda, maruah dan darah. Seterusnya, hadis ini juga menunjukkan bahawa segala kebergantungan setiap makhluk itu semuanya berbalik kepada Allah SWT, daripada meminta makanan dan pakaian, sehingga kepadanya memohon keampunan serta petunjuk dari-Nya.⁵²

Merujuk kepada hadis Qudsi di atas, Allah SWT telah mengharamkan sebarang kezaliman yang berlaku antara makhluk ciptaan-Nya, seperti mana Dia telah mengharamkan kezaliman ke atas zat-Nya Yang Maha Adil. Oleh itu, setiap rakyat Malaysia Madani mestilah berlaku adil antara satu sama lain tanpa mengira agama, bangsa dan budaya.⁵³ Adil memberi erti bahawa kita tidak meletakkan sesuatu itu kecuali pada tempat yang selayaknya.⁵⁴ Kezaliman hanyalah akan mewujudkan suasana yang porak-peranda dalam masyarakat, menimbulkan keadaan yang huru-hara, dan akhirnya perpaduan tidak dapat lagi dipertahankan.

Elemen Kelima: N = NASIHAT

Hadis ketujuh: Agama itu nasihat

⁴⁶ Mohd Amin, M. F., Salaeh, A., Abdul Halim, A., & Azmi, A. S. (2017). Konsep dan kedudukan hadis qudsi menurut ulamak hadis. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 110–121.

⁴⁷ al-'Uthaimīn, Muhammad bin Šāleh (2006). *Fathu zī al-Jalāli wa al-Ikrām bi Sharhi Bulūghu al-Marām*. al-Maktabah al-Islāmiyyah li al-Nashri wa al-Tauzi'.

⁴⁸ Ibid.

⁴⁹ al-Maghribī, al-Husayn bin Muhammad (2007). *al-Badrū al-Tamām Sharhu Bulūghu al-Marām*. Dār Hījrah.

⁵⁰ al-Qurtubī, Abū al-'Abbās (1996). *al-Mufhim limā Usykila min Talkhīs Kitāb Muslim*. Dār Ibnu Kathīr.

⁵¹ al-Etiobi, Muhammad bin 'Ali (2003). *Dhakhīrah al-'Uqba fī Sharhi al-Mujtabā*. Dār Aali Brūm.

⁵² al-Dihlawi, 'Abdu al-Haq (2014). *Lama 'āt al-Tanqīh fī Sharhi Mishkāt al-Masābīh*. Dār al-Nawadīr.

⁵³ Azman, M. A., & Rahman, N. A. (2023). Penerapan konsep Malaysia MADANI dalam dasar awam: Membudayakan harmoni dalam kepelbagaian. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(4), 29-43. <https://doi.org/10.55057/ijares.2023.5.4.3>

⁵⁴ al-Etiobi, Muhammad bin 'Ali (1436). *al-Bahrū al-Muhīt al-Thujāj fī Sharhi Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim bin al-Hajjāj*. Dār Ibnu al-Jauzī.

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ، قَالَ: «الَّذِينَ النَّصِيحَةُ» قُلْنَا: لِمَنْ؟ قَالَ: «اللَّهُ وَلِكُتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلَأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ»
(رواه البخاري ومسلم)

Maksud: Sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda: "Agama itu nasihat." Kami bertanya: "Untuk siapa?" Beliau ﷺ menjawab: "Untuk Allah, untuk kitab-Nya, untuk Rasul-Nya, untuk pemimpin kaum muslimin dan seluruh kaum muslimin."

Rasulullah ﷺ menyatakan dalam hadis ini bahawa agama Islam yang direndai oleh Allah SWT itu ialah satu nasihat. Para sahabat kemudian menanyakan untuk siapakah nasihat itu. Maka Nabi ﷺ pun menyebut untuk Allah, kitab-Nya, rasul-Nya, pemimpin-pemimpin kaum muslimin dan umat Islam umumnya.

Al-'Uthaimin⁵⁵ mengulas lanjut makna nasihat kepada lima perkara tersebut. Pertama, nasihat bagi Allah itu ialah beribadat kepada-Nya semata-mata tanpa mensyirikkan-Nya, dan beriman dengan nama-nama dan sifat-sifat-Nya. Kedua, nasihat bagi kitab Allah ialah beriman bahawa al-Quran merupakan kalam Allah yang hak dan benar, membenarkan setiap perkhabaran yang terkandung di dalam al-Quran, serta mengikuti segala perintah dan menjauhi segala larangannya. Ketiga, nasihat bagi Rasulullah ﷺ adalah membenarkan baginda sebagai utusan daripada Allah SWT tanpa sebarang syak dan beriman bahawa baginda juga merupakan seorang hamba Allah yang tiada daya dan upaya untuk memberikan sebarang manfaat mahupun mudarat kepada umatnya.

Keempat, nasihat bagi pemimpin dan ulama. Antara nasihat yang khusus bagi ulama adalah memperbetulkan manusia dan menasihati mereka ke arah yang lebih baik dan direndai-Nya. Seterusnya, nasihat yang khusus kepada pemimpin pula adalah kewajipan mentaati mereka pada perkara yang bukan maksiat kepada Allah dan menasihati mereka andai mereka melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan syariat Islam. Justeru, nasihat kepada seluruh kaum muslimin secara umumnya adalah mengadakan perbincangan berkaitan agama dan menjelaskan dalil atau mendatangkan bukti kepada mereka supaya agama itu dapat difahami dengan mudah.

Elemen Keenam: I = IKHLAS

Hadis pertama: Niat adalah kunci amal

عن أمير المؤمنين أبي حفص عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال: سمعت رسول الله ﷺ يقول: «إِنَّمَا الْأَعْمَالَ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى، فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى دُنْيَا يُصِيبُهَا، أَوْ إِلَى امْرَأَةٍ يَنْكُحُهَا، فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَا حَرَجَ إِلَيْهِ» (رواه البخاري ومسلم)

Maksud: Daripada Amirul Mukminin Abu Hafs 'Umar ibn al-Katthab r.a. beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: "Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya menuju kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang dia mahu kahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujuinya itu."

⁵⁵ al-'Uthaimīn, Muhammad bin Ṣāleḥ (2006). *Fathu zī al-Jalālī wa al-Ikrām bi Sharhi Bulūghu al-Marām*. al-Maktabah al-Islāmiyyah li al-Nashri wa al-Tauzi'.

Hadis ini menjelaskan bahawa sesungguhnya setiap perbuatan itu bergantung kepada niat dan setiap orang akan dibalas berdasarkan apa yang diniatkannya. Menurut al-Kaurani,⁵⁶ hadis ini merangkumi amalan yang zahir dan amalan batin yang membawa kepada keredaan Allah SWT. Seterusnya, hadis ini menyeru umat Islam supaya meletakkan niat secara ikhlas dengan meletakkan Allah SWT di dalam hati mereka ketika melakukan sesuatu perbuatan agar perbuatan tersebut dikira sebagai satu ibadah di sisi Allah SWT.⁵⁷

Justeru, bagi merealisasikan aspirasi pembentukan masyarakat Malaysia Madani masa kini, pengamalan hadis-hadis ini dalam membina perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan etnik amatlah penting. Keikhlasan dalam menjalankan hubungan dan persahabatan antara satu sama lain perlu menjadi asas agar nilai perpaduan dapat diperkuuh dan keamanan terus terpelihara.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa konsep Malaysia MADANI yang diterapkan oleh Anwar Ibrahim relevan dalam membina perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia. Prinsip-prinsip dalam Hadis 40 Imam Nawawi seperti adab, kasih sayang, istiqamah, keadilan, nasihat, dan keikhlasan selari dengan elemen-elemen yang terdapat dalam perkataan MADANI (Mulia, Agama, Daim, Adil, Nasihat, Ikhlas) dan dapat dijadikan panduan dalam membentuk perpaduan dan keharmonian sosial di Malaysia.

Berikut adalah beberapa cadangan untuk penambahbaikan kajian di masa akan datang:

- i. **Kajian Lapangan Lebih Mendalam:** Lakukan kajian lapangan yang lebih luas, termasuk wawancara mendalam dan soal selidik dengan pelbagai lapisan masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia. Ini akan memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang penerimaan konsep MADANI dan Hadis 40 Imam Nawawi dalam memupuk perpaduan.
- ii. **Kajian Perbandingan:** Bandingkan keberkesanan model Malaysia MADANI dengan pendekatan perpaduan lain yang telah diterapkan di negara multikultural lain. Ini dapat memberikan perspektif yang lebih luas mengenai keberkesanan konsep ini dalam membina perpaduan sosial.
- iii. **Penggunaan Metodologi Kuantitatif dan Kualitatif:** Selain pendekatan kualitatif, kajian masa depan boleh menambah kaedah kuantitatif untuk mengukur keberkesanan program perpaduan secara statistik, memberikan data yang lebih objektif dalam menilai impak konsep MADANI.
- iv. **Penerapan Teknologi dalam Pendidikan:** Mengkaji penggunaan teknologi dalam pendidikan perpaduan berdasarkan Hadis 40 Imam Nawawi. E-modul dan aplikasi interaktif boleh dikembangkan untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran perpaduan di sekolah-sekolah.
- v. **Kaji Selidik Dasar Kerajaan:** Lakukan kajian terhadap dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan perpaduan nasional, seperti Dasar Perpaduan Negara, untuk menilai kesesuaian dasar ini dengan konsep Malaysia MADANI dan Hadis 40 Imam Nawawi.

Dengan cadangan-cadangan ini, diharapkan kajian pada masa akan datang akan lebih komprehensif dan memberikan sumbangan yang lebih besar dalam memupuk perpaduan dalam masyarakat Malaysia.

⁵⁶ al-Kaurānī, Ahmad bin Ismā‘īl (2008). *al-Kauthar al-Jārī ilā Riyādhī Ahādīth al-Bukhārī*. Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi.

⁵⁷ al-Kirmānī, Shamsu al-Dīn (1937). *al-Kawākib al-Durari fī Sharhi Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi.

PENGHARGAAN

Penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM) dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah atas sokongan akademik dan logistik yang diberikan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada para penyelia dan rakan-rakan penyelidik yang telah memberikan panduan serta nasihat yang berguna sepanjang kajian ini.

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim.
- Abdullah, S., Hussin, N. S., Ahmad, T. S. T., Rose, N. N., Basir, S. N. A., & Azmin, A. A. (2023). Masyarakat Madani di Malaysia: Satu Penelitian. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) ke-2*, 239-249.
- Adri, S (2017). Manhaj Imam an-Nawawi dalam kitab al-Arba‘in an-Nawawiyyah: Kajian filosofi di balik penulisan kitab hadis al-arba‘in an-Nawawiyyah. *AT-TAHDIS: Journal of Hadith Studies*, 1(2), 29–45.
- al-‘Ainī, Badr al-Dīn (n.d). ‘Umdatū al-Qārī Sharhi Sahīh al-Bukhārī. Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi.
- Ateerah Abdul Razak, Nur Azuki Yusuff & Zaleha Embong. (2021). *Penghayatan Etika Dan Peradaban*. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Azizan, N. I., & Ismail, N. (2023). Membangun akhlak masyarakat madani melalui tafsir al-Quran: Analisis terhadap tafsir surah al-Humazah oleh Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Proceedings of the 9th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2023)*, 79-87.
- Azman, M. A., & Rahman, N. A. (2023). Penerapan konsep Malaysia MADANI dalam dasar awam: Membudayakan harmoni dalam kepelbagaian. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 5(4), 29-43. <https://doi.org/10.55057/ijares.2023.5.4.3>
- al-Dihlawi, ‘Abdu al-Haq (2014). *Lama‘āt al-Taqīh fī Sharhi Mishkāt al-Masābīh*. Dār al-Nawādīr.
- al-Etiobi, Muhammad bin ‘Ali (1436H). Al-Bahru al-Muhīt al-Thujāj fī Sharhi Sahīh al-Imām Muslim bin al-Hajjāj. Dār Ibnu al-Jauzī.
- al-Etiobi, Muhammad bin ‘Ali (2003). *Dhakhīrah al-‘Uqbā fī Sharhi al-Mujtabā*. Dār Aali Brūm.
- al-Hamad, ‘Abdu al-Qādir Shibah (1982). *Fiqhu al-Islām Sharhi Bulūghu al-Marām min Jamī Adillati al-Ahkam*. Matabi al-Rashid.
- al-Kaurānī, Ahmad bin Ismā‘il (2008). *Al-Kauthar al-Jārī ilā Riyādhi Ahādīth al-Bukhārī*. Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi.
- al-Kirmānī, Shamsu al-Dīn (1937). *Al-Kawākib al-Durari fī Sharhi Sahīh al-Bukhārī*. Dār Ihya’ al-Turāth al-‘Arabi.
- al-Maghribī, al-Husayn bin Muhammad (2007). *Al-Badru al-Tamām Sharhu Bulūghu al-Marām*. Dār Hijr.
- al-Muzhirī, al-Husayn bin Mahmūd (2012). *Al-Mafātīh fī Sharhi al-Masābīh*. Dār al-Nawādīr.
- al-Qādī ‘Iyād, Abu al-Fadl (1998). *Ikmāl al-Mu‘alim bi Fawāid Muslim*. Dār al-Wafā’.
- al-Qurtubī, Abū al-‘Abbās (1996). *Al-Mufhīm limā Usykila min Talkhīs Kitāb Muslim*. Dār Ibnu Kathīr.
- al-Sahāranfūrī, Khalīl Ahmad (2006). *Badhlu al-Majhūd fī Hilli Sunani Abī Dāwd*. Markaz al-Sheikh Abī al-Hasan li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah.

al-Sarsarī, Sulayman bin ‘Abdu al-Qawī (1998). *Al-Ta‘yīn fī Sharhi al-Arba‘īn*. Mu’assasah al-Rayyān.

al-Sindī, Abū al-Hasan (2010). *Fathu al-Wadūd fī Sharhi Sunan Abī Dāwd*. Maktabah Layyinah.

Bakar, O. (1997). Agama dan budaya teras masyarakat Madani. *Jurnal Usuluddin*, 5, 1–10. Retrieved from: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3154>

Bushrah Basiron; Muhammad Talhah Ajmain @ Jima’ain (2021). Pembinaan individu berdasarkan falsafah rukun Islam. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(2), 37-46. Retrieved from: <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/13448>

Hadis Arba‘īn (n.d). Hadis 40. Dimuat turun daripada: <https://haditsarbain.com/>

Hamzah Muhammad Qāsim (1990). *Manār al-Qārī Sharhu Mukhtasar Sahīh al-Bukhārī*. Maktabah Dār al-Bayān.

Hashim bin Musa & Rozita binti Che Rodi (2013). Dasar Pembangunan Negara Malaysia Secara Ekuitabel ke Arah Negara Maju Melalui Wahana Bahasa Kebangsaan. Prosiding PERKEM VIII, jil. 1, 279 - 296

Haslinda Abdullah (2024). Modul Hadith 40: Pembentukan Perpaduan dan Karakter Generasi Muda Malaysia. Institut Pengajian Sains Sosial (Ipsas). Universiti Putra Malaysia.

Hazlina (2024). Toleransi dalam Perbedaan: Asas Keharmonian dan Kesejahteraan Malaysia. Suara Nadi Penang Institute.

Ismail, N., Senin, N., & Amat Misra, M. K. (2024). Membangun Masyarakat Madani Melalui Pemerksaan Keharmonian Beragama. *Isu-Isu Pengajian Peradaban Islam Kontemporari*. Selangor: Penerbit UIS, Universiti Islam Selangor. Retrieved from: <https://www.researchgate.net/publication/383358095>

Jabatan Penerangan Malaysia. (2017). *Buku Rasmi Tahunan Jabatan Penerangan Malaysia*. Selangor: Absolute Master Printers Sdn. Bhd. Retrieved from: https://dbook.penerangan.gov.my/dbook/dmdocuments/malaysia_2017/files/downloads/malaysia_2017.pdf

JAKIM (2023). *Perpaduan Teras Malaysia Madani*. Retrieved from: <https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2206489>

Kamus Dewan Edisi Keempat (n.d). Retrieved from: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=padu>

Kementerian Pendidikan Malaysia (2024). *Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi*. Edisi Kedua. Selangor: Bahagian Pendidikan Islam.

Khairul Azhar Meerangan, Muhammad Ikhlas Rosele & Syamsul Azizul Marinsah (2020). Pendekatan wasatiyyah dalam interaksi inter-agama di Malaysia. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa* (MANU), 31(2), 19-46.

Madiawati Mamat@Mustafa, Nurhamizah Hashim, & Eizah Mat Hussain (2020). *Manifestasi perpaduan dalam era Malaysia baharu melalui Kumpulan Pantun Warisan*. *Jurnal Melayu*, 19 (1). pp. 75-87.

- Maulana Muhammad Ilyas Temrin, & Mohd Akil Muhamed Ali (2017). *Pembelajaran ilmu hadith di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di Malaysia*. *Journal Al-Turath: Journal of al-Quran and al-Sunnah*, 2 (1). pp. 10-19.
- Mohd Amin, M. F., Salaeh, A., Abdul Halim, A., & Azmi, A. S. (2017). Konsep dan kedudukan hadis qudsi menurut ulamak hadis. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(1), 110–121.
- Nur Farhana Abdul Rahman & Nur Syariyah Muhammad Shah (2020). Persepsi penganut Muslim dan bukan Muslim terhadap isu-isu sensitif agama: Kajian di Lembah Klang. *International Journal of Islamic Thought*, 18. 95-109.
- Rahmah, W. S. (2020). Hadis dalam Budaya Indonesia Abad XVII-XVIII. *Ar-Riqliyah: Jurnal Inovasi Pengembangan Pendidikan Islam*, 5(2), 31–48. <https://doi.org/10.33507/ar-riqliyah.v5i2.259>
- Saat, I. (2021). Sejarah elemen perpaduan rakyat. *Jurnal Perspektif*, 13(1), 48–58. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.5.2021>
- Sarom, M. B., Sr., & Sudi, S. (2022). Langkah perpaduan Sunnah Nabawiyah sebagai nilai tambah kepada agenda perpaduan negara. *Journal Hadis*, 12(23), 51–62.
- Suhaida Abu Bakar, Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, & Siti Aisyah Yusof (2021). *Asas Kefahaman Islam dalam Realiti Semasa*. Kedah: Penerbit Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah.